

Malaysia sokong jika ada sidang sempadan Thai-Kampuchea

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia menyokong jika perlu diadakan Persidangan Menteri-menteri Luar Asean untuk membincangkan pergolakan sempadan Thailand dan Kampuchea, kata Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie.

Beliau menambah, jika Thailand mahu mengadakan sidang seumpama itu, Malaysia memberi sokongan penuh dan akan hadir.

"Tetapi setakat ini tidak ada jemputan dibuat oleh pihak Thailand," ujarnya ketika bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat

Jawatankuasa Kerjasama Belia Asean (CAYC) di sini hari ini.

Tan Sri Ghazali berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terakhir mengenai kemungkinan diadakan sidang di kalangan Menteri-Menteri Luar Asean berikutan pencerobohan Vietnam di sempadan Thailand.

Sementara itu, Setiausaha Agung CAYC, Encik Mohd. Tajol Rosli Haji Ghazali dalam ucapannya mengutuk pencerobohan Vietnam terhadap Thailand.

"Vietnam mesti memberhentikan pencerobohan itu, tidak ada sebab mengapa Russia mesti melagakan rakyat Indo-China bergaduh sama sekali."

Beliau berkata, kaum belia Asean berdiri teguh dan bekerjasama antara satu dengan lain bagi menentang campurtangan Russia dalam hal ehwal negara lain.

Menurutnya, CAYC menyokong penuh perjuangan belia dan rakyat Kampuchea untuk membebaskan tanahair mereka.